

Peristiwa Berdarah di Batu Kikir

Oleh
Md. Ali Hasan

Pengenalan

Peristiwa berdarah di Batu Kikir merupakan satu daripada titik hitam dalam sejarah sosial tanah air amnya dan wilayah Batu Kikir khususnya. Peristiwa ini berlaku kira-kira setengah abad yang lalu semasa kekosongan pemerintahan iaitu semasa transisi pentadbiran pihak Jepun yang baru kalah perang dengan British yang belum bersedia sepenuhnya mengambil alih pentadbiran. Akibat peristiwa ini, nama Batu Kikir, sebuah pekan sunyi yang tidak dikenali menjadi terkenal dan masyhur bukan sahaja di Negeri Sembilan tetapi juga di seluruh negara.

Penduduk negara ini terdiri daripada pelbagai keturunan yang menganut pelbagai agama dan kepercayaan serta mengamalkan pelbagai budaya pula. Agama, kepercayaan dan budaya merupakan aspek-aspek sensitif bagi penganut dan pengamalnya. Sedikit kesilapan tentangnya boleh menjadi isu yang boleh mengkucar-kacirkan keharmonian rakyat. Peristiwa di Batu Kikir berupa kejadian negatif yang melibatkan isu perkauman dan satu contoh nyata tentang kesensitifan masyarakat berkaitan dengan agama, kepercayaan dan budaya. Justeru itu peristiwa di Batu Kikir yang telah menjadi sebahagian daripada sejarah negara kita, perlu dan harus dijadikan ikhtibar, tauladan dan pengajaran tentang akibat jika isu-isu sensitif kaum disentuh. Semua pihak, terutama generasi muda harus mengambil perhatian tentang bahaya yang mungkin timbul apabila aspek-aspek ini dijadikan isu terbuka. Mereka harus berhati-hati apabila menimbulkan isu-isu sensitif dalam kehidupan seharian.

Sebagai yang dinyatakan di atas, peristiwa ini berlaku kira-kira setengah abad yang lalu. Hari ini, hampir semua yang terlibat secara langsung dalam peristiwa ini telah meninggal dunia. Jika pun ada pun mereka telah tua. Secara kebetulan penulis telah membuat penyelidikan tentang peristiwa ini dalam tahun 1977. Dengan itu penulis berkesempatan menemui dan mendapatkan data daripada 16 informan yang terlibat atau menyaksikan secara langsung peristiwa tersebut. Senarai nama informan yang telah ditemu bual adalah seperti dinyatakan di bahagian akhir penulisan ini.

Sehingga penerbitan artikel ini, sejauh yang ditemui ada dua pendapat tentang tarikh sebenar peristiwa ini berlaku iaitu:

1. Fatimah Lamin, Razali Mustafa, dll. (1990) menyatakan berlaku pada 4 April 1945.
2. Jamaludin bin Samsudin (1998:33) menyatakan berlaku pada hari Ahad 11 November 1945.

Berdasarkan dokumen yang ada seperti *Field Intelligence Report Force 136 – PSD/40* bertarikh 9 November 1945, *Parliamentary Debates (Hansard)*. Vol. 42, House of Commons, 25 March to

18 April 1946, dan akhbar-akhbar tempatan seperti *Seruan Rakyat* bertarikh 11 November 1945 serta data daripada informan-informan yang terlibat secara langsung dalam peristiwa ini, peristiwa berdarah ini terjadi pada petang 6 November 1945.

Dalam penulisan sebelum ini telah dihuraikan faktor-faktor yang menjadi latar meletusnya peristiwa berdarah di Batu Kikir ini (Md. Ali Hasan dan Norhalim Hj. Ibrahim, 2002:11-53). Artikel ini yang merupakan lanjutan penulisan tersebut akan menghuraikan tiga perkara iaitu masa penyerangan, suasana malam selepas penyerangan dan suasana pada hari berikut dan seterusnya.

Masa Penyerangan

Suasana pada petang 6hb. November, 1945 di kampung-kampung sekitar pekan Batu Kikir, khususnya di Masjid Kampung Lonek berubah sekali. Orang-orang kampung yang berkumpul di pekarangan masjid Kampung Lonek itu begitu bersemangat menanti masa dan ketika untuk bergerak. Kiai Selamat¹ merencanakan saat yang paling sesuai untuk memulakan gerakan. Ketika menantikan saat yang ditunggu-tunggu itu Kiai Selamat mengarahkan pembantu-pembantu kanannya (mereka ini telah dilantik sebagai ketua dan memakai selendang merah) memberitahu seluruh anggota masyarakat yang hadir di pekarangan masjid itu supaya mengambil air sembahyang. Salah seorang daripada mereka ditugaskan memukul beduk dengan nada yang berlainan daripada nada bunyi menandakan masuk waktu sembahyang fardhu lima waktu.

Sementara menanti kehadiran anggota masyarakat lain, mereka yang hadir di masjid itu telah membaca surah Yassin. Sebuah tempayan yang penuh berisi air telah diletakkan di tengah-tengah anggota masyarakat yang sedang membaca surah Yassin itu. Apabila selesai bacaan surah Yassin, air itu telah diberi kepada tiap-tiap orang untuk diminum². Pada wajah tiap-tiap anggota masyarakat yang akan menyertai gerakan itu telah terbayang suatu keyakinan yang mendalam sekali. Ahli masyarakat yang masih berada di rumah masing-masing apabila mendengar bunyi beduk telah bergerak menuju ke masjid Kampung Lonek untuk bersama-sama menyertai gerakan itu. Sambil berjalan mereka sentiasa membaca ayat-ayat suci al-Quran terutama ayat-ayat yang mereka tuntutan daripada Kiai Selamat. Anak-anak belasan tahun pula bersorak-sorak mengikut anggota rombongan gerakan tersebut. Kaum ibu telah menitikkan air mata dan melaung-laungkan nama anak-anak mereka supaya jangan mengikut gerakan itu. Anggota gerakan yang baharu sampai di masjid Kampung Lonek telah diarahkan supaya meminum air surah Yassin yang telah dibaca secara beramai-ramai itu. Mereka juga diingatkan agar segera mengambil air sembahyang dan hendaklah sentiasa berselawat atas Nabi Muhamad S.A.W. di samping membaca empat jenis ayat yang telah diberikan oleh Kiai Selamat. Kira-kira 350 – 400 orang yang berumur dua puluh tahun ke atas telah berkumpul di pekarangan masjid Kampung Lonek.

Kiai Selamat dengan pembantu-pembantu kanannya telah membuat keputusan yang muktamad akan bergerak apabila condong sahaja matahari menandakan masuknya waktu sembahyang fardhu 'asar. Jalan yang akan diikuti oleh gerakan itu ialah melalui "jalan kampung" yang akan keluar berhampiran dengan simpang jalan ke Bahau. Dengan mengikut jalan tersebut diharapkan dapat berjumpa dengan pihak tentera British (Punjabi) dan seterusnya mengadakan rundingan untuk membawa pulang Tuan Haji Yahya³.

Apabila sampai masa hendak bergerak, anggota masyarakat yang berkumpul itu disusun mengikut kebolehan masing-masing. Barisan hadapan, yang bertindak sebagai ketua terdiri daripada anggota yang memakai selendang merah. Di belakang mereka anggota biasa lain. Kiai Selamat

mengingatkan anggota gerakan itu supaya berdisiplin. Setiap anggota harus bersikap tegas, yakin dan sentiasa berdoa kepada Allah S.W.T. supaya merestui tindakan itu. Mereka juga diingatkan supaya mengikut dan mematuhi arahan ketua.

Selepas memberi nasihat, Kiai Selamat mengarahkan salah seorang pembantu kanannya melakukan azan. Tamat sahaja azan, anggota gerakan telah menggemakan suasana dengan laungan *Allah hu Akbar* sebanyak tiga kali. Laungan ini diikuti pula dengan seruan *Yazal jalali walikram* dengan kuat dan penuh semangat. Menurut Haji Mohd. Noh bin Ismail (23 Julai 1977), pada ketika itu wajah setiap anggota gerakan kelihatan penuh bersemangat. Tidak seorang pun anggota yang menunjukkan perasaan takut dan bimbang. Selanjutnya, beliau menyatakan bahawa gema aungan kalimat *Allah hu Akbar* dan *Yazal jalali walikram* itu kedengaran hingga ke jarak kira-kira suku batu.

Perjalanan anggota gerakan itu dimulakan dengan mendahului kaki kanan. Mereka berjalan dengan gaya yang tersendiri sambil sekali sekala menggemakan ucapan *Allah hu Akhbar* dan *Yazal jalali walikram*. Ketua barisan hadapan ialah Mahmud bin Raja Taha. Beliau berjalan tanpa menoleh ke kiri atau ke kanan dengan membawa pedang yang terhunus. Jalan kampung yang diikuti oleh gerakan itu melalui sawah-sawah padi dan melintasi Sungai Jempol. Jalan tersebut sememangnya merupakan 'jalan rentas' orang-orang kampung untuk pergi ke pekan Batu Kikir. Sementara itu di sepanjang perjalanan anak-anak kecil dan kaum-kaum ibu kelihatan melambai-lambaikan tangan dan setengah-setengahnya menitikkan air mata. Kiai Selamat yang tidak turut bersama-sama melangkah dengan anggota gerakan tersebut akhirnya telah berlari-lari mengekori gerakan itu dengan harapan akan sampai bersama-sama di pekan Batu Kikir nanti⁴.

Apabila barisan hadapan anggota gerakan sampai di jalan raya simpang ke Bahau, didapati tiada seorang pun pihak tentera British (Punjabi) di sana. Ketua gerakan telah mengambil keputusan untuk meneruskan perjalanan ke pekan Batu Kikir dengan harapan untuk bertemu dan berunding dengan pihak tentera British di sana. Dalam perjalanan tersebut gema *Allah hu Akhbar* dan *Yazal jalali walikram* terus dikumandangkan oleh anggota gerakan itu. Senjata-senjata mereka tetap terhunus dan tiap-tiap anggota bertekad akan merempuh segala rintangan walaupun akan meragut nyawa sekali pun.

Pihak Bintang Tiga yang sedang berkawal ketat di pekan Batu Kikir telah mengetahui pergerakan orang-orang kampung itu. Berita tersebut telah disampaikan oleh seorang mualaf bernama Husin bin Abdullah⁵ yang dikatakan telah pulang ke rumahnya di Kampung Lonek untuk makan tengahari pada hari itu. Pihak Bintang Tiga telah menduga bahawa orang-orang kampung akan bertindak apabila orang yang mereka hormati tertangkap⁶. Sehubungan dengan situasi dan dugaan tersebut, pihak Bintang Tiga telah mempersiapkan diri dan membina kubu pertahanan di jambatan Sungai Jempol. Kubu pertahanan itu dilengkapi dengan alat-alat senjata moden terutama stengun, bren-gun dan rifle. Di samping itu, belukar-belukar yang berhampiran dengan jambatan Sungai Jempol itu telah dijadikan tempat serangan hendap. Pihak Bintang Tiga yang berjumlah antara 80 – 100 orang itu juga membuat pertahanan di markasnya sendiri di tengah-tengah pekan Batu Kikir. Mereka mundur-mandir sekeliling pekan Batu Kikir sambil menantikan perintah untuk menyerang hendap anggota gerakan orang-orang kampung tersebut.

Suasana pada petang Selasa 6hb. November, 1945 di pekan Batu Kikir seperti biasa sahaja; tidak nampak sebarang perubahan yang menunjukkan bahawa pekan itu akan menjadi "medan peperangan". Peniaga-peniaga tetap menjalankan perniagaannya. Namun, secara individu beberapa

orang-orang Cina kelihatan sedang berpindah menuju ke pekan Kuala Pilah dan Bahau. Mereka takut peristiwa berdarah yang berlaku di Padang Lebar pada 5hb. November, 1945 akan berlaku pula di pekan Batu Kikir. Meskipun demikian orang-orang Cina lain khususnya dari Bukit Serting tetap seperti biasa. Mereka masih berkunjung ke pekan Batu Kikir untuk membeli barang-barang keperluan dan menjual segala hasil tanaman.

Semasa anggota Bintang Tiga sibuk membina kubu pertahanan, gerakan orang-orang kampung telah menghampiri jambatan Sungai Jempol. Gema laungan *Allah hu Akbar* dan *Yazal jalali walikram* telah kedengaran lantang dan jelas. Oleh yang demikian anggota Bintang Tiga bersiap sedia untuk menyerang gerakan orang kampung itu di jambatan Sungai Jempol. Mereka dengan wajah garang mengarahkan senjata api ke arah jalan yang akan ditempuhi oleh kumpulan orang-orang kampung. Apabila terdengar sahaja takbir orang-orang kampung itu, suasana di pekan Batu Kikir menjadi kelam-kabut. Orang-orang awam serta peniaga-peniaga terus mencari tempat perlindungan seperti di dalam kedai, di dalam parit, di celah-celah pokok rumbia yang berhampiran dengan Sungai Jempol dan sebagainya. Tentera British yang sedang berehat-rehat di pekarangan balai polis Batu Kikir juga menjadi panik. Mereka berlari-lari ke arah jalan raya dan jambatan Sungai Jempol untuk melihat perkara yang berlaku. Tuan Haji Yahya yang dikawal rapi oleh empat orang anggota Bintang Tiga telah dibawa naik sebuah bas yang kebetulan tiba dari Kuala Pilah menuju ke Bahau. Melihat keadaan yang sedang berlaku itu pemandu bas tersebut yang bernama Ah Tong [*sic*] telah menukar haluan perjalanan basnya iaitu berpatah balik menuju ke Kuala Pilah⁷.

Kumpulan orang kampung yang bergerak dengan penuh disiplin itu tidak menyedari bahawa mereka akan diserang hendap oleh pihak Bintang Tiga di jambatan Batu Kikir. Apabila gerakan itu sampai di hadapan kubu tersebut, kira-kira 10 – 15 anggota Bintang Tiga telah keluar ke jalan raya. Salah seorang daripada mereka mengangkat tangan sebagai isyarat menyuruh gerakan itu berhenti. Namun arahan itu tidak diendahkan oleh gerakan orang-orang kampung. Mereka terus mara ke hadapan dengan senjata terhunus sambil melaungkan kalimat-kalimat *Allah hu Akbar* dan *Yazal jalali walikram* dengan lebih kuat lagi. Melihat keadaan sedemikian, pihak Bintang Tiga tanpa membuang masa terus melepaskan tembakan dengan tidak berhenti-henti ke arah anggota gerakan itu. Orang-orang kampung pula tanpa menghiraukan sebarang rintangan terus menyerang balas. Justeru itu berlaku pertempuran sengit antara pihak Bintang Tiga yang menggunakan senjata api moden dengan pihak gerakan orang-orang kampung yang menggunakan senjata tradisional seperti parang panjang, keris, pedang, tumbuk lada dan bambu runcing. Pertempuran sengit di jambatan Sungai Jempol itu telah berlangsung kira-kira dua puluh minit⁸. Pihak Bintang Tiga telah mempertahankan kubu-kubu pertahanannya dengan bersungguh-sungguh. Sebaliknya pula pihak orang kampung telah menyerang balas dengan tidak berhenti-henti. Pertempuran itu berakhir dengan kemenangan di pihak orang-orang kampung. Menurut Amai binti Mahmud dan Haji Mohd. Noh bin Haji Ismail bunyi pertempuran itu kedengaran seolah-olah satu peperangan besar sedang berlaku. Gema pertempuran tersebut telah kedengaran ke seluruh kampung sekitar pekan Batu Kikir.

Setelah anggota gerakan orang kampung berjaya “mematahkan” pertahanan pihak Bintang Tiga, mereka terus menuju ke pekan Batu Kikir. Sebahagian daripada mereka telah masuk ke belukar-belukar, celah-celah pokok rumbia, dan parit-parit di sekitar jambatan Sungai Jempol dan pekan Batu Kikir untuk mencari pihak musuh. Anggota gerakan telah membunuh dan menyerang tanpa perasaan belas kasihan. Orang-orang Cina awam yang cuba melindungi diri telah juga menjadi mangsa gerakan orang-orang kampung tersebut.

Sementara itu bas yang telah penuh dengan penumpang termasuk Tuan Haji Yahya telah mengalami kerosakan enjin di Bukit Tengku Sulaiman⁹. Tuan Haji Yahya yang tangannya terikat ke belakang tidak dapat berbuat apa-apa dan anggota Bintang Tiga yang mengawal tetap memerhatikan gerak-gerinya. Apabila bas itu berhenti penumpang menjadi panik dan kelam-kabut. Orang-orang kampung telah sampai di tempat bas itu berhenti dan menyerang mereka dengan senjata yang berlumuran darah. Anggota Bintang Tiga yang mengawal Tuan Haji Yahya dan pemandu bas tersebut berjaya melarikan diri. Walau bagaimana pun anggota Bintang Tiga yang lain telah menyerang balas serangan orang-orang kampung tersebut. Tuan Haji Yahya pula, apabila terlepas daripada ikatannya itu telah mengambil senjata salah seorang anggota gerakan dan turut berjuang bersama-sama.

Orang-orang kampung yang tidak “mengenal” takut itu terus mencari dan mengesan pihak musuh. Mereka menganggap bukan sahaja pihak Bintang Tiga sebagai musuh tetapi juga orang-orang Cina awam. Orang-orang kampung dikatakan telah menyerang pihak musuh tanpa perasaan belas kasihan, bimbang dan curiga. Mereka juga tidak memikirkan sasarannya itu sama ada orang tua, muda, kanak-kanak, lelaki atau perempuan. Sekali mengangkat senjata dengan niat untuk membunuh wajiblah diteruskan dan jangan sekali-kali teragak-agak kerana jika sebaliknya berlaku maka senjata itu akan “memakan tuan”¹⁰. Pihak musuh mengalami kekalahan yang teruk sekali. Akibat daripada pertempuran sengit itu, air Sungai Jempol dikatakan telah bertukar warna menjadi kemerah-merahan kerana titisan darah¹¹. Purcell (1965:348; 1967:268-9) melaporkan pertempuran itu sebagai:

I arrived on the scene with James Calder, M.C.S, very shortly after some forty Chinese, mostly women and children, and their bodies were lying about in their gore. The sight of stabbed children lying across drains like slaughtered pigs

Beberapa orang kampung yang terlalu mengikut perasaan mengesyorkan supaya pekan Batu Kikir dibakar. Namun sesetengah daripada mereka membantah kerana memandangkan terdapat beberapa buah kedai kepunyaan orang-orang Melayu; di samping perbuatan tersebut melanggar disiplin dan tujuan gerakan yang sebenarnya. Akhirnya anggota gerakan telah berkawal secara berkumpulan (berdua atau bertiga sekumpulan) setiap lima atau enam rantai. Pada masa anggota gerakan sibuk berkawal dan memberi bantuan kepada anggota yang tercedera atau terkorban, laungan *Allah hu Akbar* dan *Yazal jalali walikram* tidak lagi dilakukan. Masing-masing dikatakan begitu sibuk dengan tugas sendiri iaitu mencari kayu untuk usungan bagi mereka yang terkorban, memimpin dan mengiring mereka yang tidak berdaya berjalan bersendirian atau sebagainya. Tegasnya, setelah suasana agak tenang anggota gerakan itu melakukan kerja-kerja menyelamatkan sahabat-handai mereka yang terkorban dan tercedera dalam pertempuran tersebut.

Pihak tentera British (Punjabi) yang panik dan hairan melihat tindakan orang-orang kampung yang berani telah keluar ke jalan raya dari tempat perlindungannya di pekarangan masjid pekan Batu Kikir. Mereka telah melambai-lambaikan tangan sambil melaungkan ucapan “*very good, very good*”¹². Tentera-tentera British itu kemudiannya terus menuju ke balai polis Batu Kikir.

Pertempuran tersebut hanya berlaku kira-kira dua jam sahaja¹³. Orang-orang perempuan di kampung-kampung yang mendengar bunyi pertempuran itu menganggap bahawa seluruh anggota gerakan telah habis terkorban. Mereka menyatakan tidak mungkin orang-orang kampung beroleh kemenangan lantaran senjata-senjata yang mereka gunakan tidak setanding dengan senjata-senjata pihak musuh. Sesetengah orang perempuan terutama kaum ibu telah berkumpul di rumah-rumah

jiran sambil berdoa agar kaum keluarga dan sahabat-handai yang menyertai gerakan itu dilindungi Allah S.W.T. Namun demikian tidak kurang pula antara mereka yang menitikkan air mata dan menyusul anggota gerakan itu di masjid Kampung Lonek¹⁴.

Dalam pertempuran itu seramai tujuh orang kampung telah terbunuh. Kematian ketujuh-tujuh orang tersebut merupakan suatu kehilangan yang tidak mudah dilupakan oleh seluruh anggota gerakan khususnya dan masyarakat di kampung sekitar pekan Batu Kikir amnya. Enam daripada mereka yang terkorban itu ialah:

1. Joned bin Mohd. Nor berusia lebih kurang 50 tahun
2. Moin bin Md. Ali berusia lebih kurang 60 tahun
Mereka terbunuh di tengah-tengah pekan Batu Kikir. Mereka berdua dikatakan cuma bersenjatakan parang pendek dan menyertai gerakan tersebut pada saat-saat terakhir.
3. Mahmud bin Raja Taha yang berusia 45 tahun
4. Sulaiman bin Omar yang berusia 19 tahun
5. Sudin bin Tahir yang berusia 30 tahun
Mereka bertiga ini telah terbunuh dalam pertempuran di jambatan Sungai Jempol. Mereka ini berada di barisan hadapan.
6. Abdul Rahman bin Jusoh (dikenali juga dengan panggilan Maulana Rahman Bidang).
Beliau terbunuh dalam pertempuran di Bukit Tengku Sulaiman. Beliau yang hanya bersenjatakan parang pendek telah ditembak oleh anggota Bintang Tiga yang mengawal Tuan Haji Yahya¹⁵.

Mereka yang telah tercedera pula berjumlah seramai lapan orang. Kebanyakannya hanya mengalami cedera ringan. Kecederaan ini berlaku terutama sewaktu pertempuran di jambatan Sungai Jempol. Mereka ialah:

1. Sudin bin Ma'adah berusia kira-kira 40 tahun, cedera di bahagian dada sebelah kanan.
2. Othman bin Tahir berusia 27 tahun, cedera di paha sebelah kiri.
3. Yusoh bin Makhoda berusia dalam lingkungan umur 20-an, cedera di bahagian telinga (kira-kira tiga bulan selepas peristiwa ini telah meninggal dunia).
4. Ibrahim bin Jidin berusia 30 tahun cedera di bahagian kiri.
5. Haji Abu Bakar bin Ma'alim berusia dalam lingkungan umur 40-an.
6. Haji Abdul Malek bin Salam berusia dalam lingkungan umur 40-an.
7. Omar bin Muhammad berusia dalam lingkungan umur 30-an.
Kebanyakan mereka yang mendapat cedera ini telah tidak sedar tentang kecederaannya pada waktu petempuran itu kerana masing-masing sibuk menghadapi pihak musuh.
8. Haji Abdullah bin Ali yang mendapat cedera di bahagian kaki kiri.
Beliau menyatakan bahawa beliau tidak sedar kakinya luka parah ketika petempuran di jambatan Sungai Jempol. Beliau hanya mengetahuinya apabila terjatuh kerana tergelincir tatkala

menyeberang Sungai Jempol. Ketika itu tembakan musuh masih bertalu-talu datang ke arahnya tetapi mujur sempat meniarap bersama-sama rakan yang lain¹⁶.

Berdasarkan gambaran di atas nyata betapa bersemangatnya orang-orang kampung menentang musuh, walaupun menyedari bahawa nyawa mereka mungkin terkorban. Sesetengah anggota gerakan itu hanya menyedari bahawa baju-baju mereka telah koyak-rabak dan berlubang-lubang di akhir pertempuran. Selain itu ada pula antara mereka yang mendapati beberapa butir peluru musuh tersisip di dalam baju dan kaki seluar¹⁷.

Anggota gerakan yang terkorban dan tercedera telah sampai di rumah masing-masing menjelang waktu maghrib, dan disambut dengan berbagai-bagai reaksi oleh kaum keluarga mereka. Anggota gerakan yang masih berkawal di pekan Batu Kikir telah meninggalkan pekan tersebut apabila diberi jaminan oleh tentera-tentera British bahawa mereka akan meneruskan kawalan tersebut. Walaupun jaminan itu ada, namun penduduk di sekitar pekan Batu Kikir tetap ragu memandangkan pihak British tidak campur-tangan semasa peristiwa berdarah itu berlaku.

Peristiwa berdarah yang berlaku pada petang Selasa 6hb. November, 1945 itu merupakan suatu peristiwa yang penuh dengan kengerian. Kira-kira 50 – 70 orang¹⁸ pihak musuh telah terbunuh. Suasana di pekan Batu Kikir menjadi sunyi-sepi dan mayat-mayat bergelimpangan di sana sini dan terdapat tompokan darah di beberapa tempat. Di kampung-kampung pula suasana kini berlainan daripada suasana sebelum ini. Tiap-tiap rumah kelihatan tertutup sahaja.

Suasana Malam Selepas Penyerangan

Pada malam selepas peristiwa tersebut, pekan Batu Kikir menjadi gelap-gelita. Pekarangan balai polis hanya diterangi oleh beberapa buah lampu minyak. Di jalan-jalan raya tidak kelihatan sebarang kenderaan kecuali beberapa orang tentera British yang sedang menjalankan tugas.

Sementara itu suasana di masjid Kampung Lonek tetap seperti biasa. Beberapa orang kampung terutama yang tinggal berhampiran telah bersembahyang fardhu maghrib bersama-sama dengan tuan guru mereka. Walau bagaimana pun bilangan makmum yang hadir pada malam itu berkurangan. Mereka yang hadir terdiri daripada anggota masyarakat yang tidak sempat menyertai gerakan orang-orang kampung ke pekan Batu Kikir pada petang tersebut. Sementara menunggu waktu isyak mereka berbual-bual sesama sendiri tentang kejadian berdarah itu. Antara topik perbualan mereka adalah mempersoalkan status kematian mangsa yang terbunuh dalam peristiwa itu, sama ada boleh diiktiraf sebagai mati syahid atau tidak, dan bolehkah peristiwa itu dianggap sebagai perang sabil? Walau bagaimanapun perbualan mereka tinggal begitu sahaja tanpa sebarang kata muktamad. Apabila selesai menunaikan sembahyang fardhu isyak mereka terus pulang ke rumah masing-masing.

Kira-kira pukul 11.00 malam, masjid Kampung Lonek kembali menjadi tumpuan orang-orang kampung yang lelaki terutama anak-anak muda untuk tidur bersama-sama. Mereka dikatakan tidak lelap tidur di rumah masing-masing. Sesetengahnya pula menyatakan bahawa mereka terbayang-bayang akan orang-orang Cina datang kepadanya lengkap bersenjata dengan wajah yang menggerunkan¹⁹. Menurut Haji Muhammad bin Tupin beliau terpaksa keluar dari rumahnya dan bermalam di masjid itu semata-mata dengan harapan untuk tidur nyenyak kerana begitu resah tinggal di rumah seorang diri²⁰.

Suasana di kampung-kampung sekitar pekan Batu Kikir pada malam tersebut berubah sama sekali. Di rumah-rumah langsung tidak kelihatan sebarang api terutama bagi rumah yang terpencil. Penghuni-penghuni rumah tersebut dikatakan telah bermalam di rumah-rumah jiran atau di rumah saudara-mara. Sementara itu, di rumah mangsa yang terkorban kedengaran suara bacaan ayat-ayat al-Quran. Pelita-pelita yang terpasang di rumah-rumah mangsa hanya untuk menerangi jenazah dan orang-orang yang membaca al-Quran sahaja. Jika dibandingkan suasana tersebut dengan suasana di rumah yang pernah ditimpa kematian pada masa-masa yang lalu amat berbeza. Menurut Amai binti Mahmud iaitu isteri kepada Mahmud bin Raja Taha, ketua gerakan tersebut, tirai dan langit terpaksa dipasang supaya cahaya api pelita tidak kelihatan dari luar. Beliau khuatir dan bimbang sekiranya api pelita tersebut kelihatan maka kemungkinan terjadi sesuatu perkara yang tidak diinginkan lagi²¹. Manakala yang menemani jenazah mangsa-mangsa yang terkorban hanya terdiri daripada kaum keluarga masing-masing. Keadaan ini berbeza sekali dengan kelaziman orang-orang kampung sekitar pekan Batu Kikir apabila berlaku kematian.

Mereka yang tercedera pula hanya tinggal di rumah bersama-sama keluarga masing-masing. Mereka yang cedera parah telah menjemput dukun atau bomoh untuk “menawarkan” luka-luka tersebut. Dukun atau bomoh itu akan “menawarkan” semangkuk air untuk diminum atau disapu. Menurut Othman bin Tahir bahawa ia tidak dapat tidur akibat denyutan luka di paha kirinya. Oleh yang demikian kaum keluarganya telah berikhtiar untuk mengurangkan denyutan luka tersebut dengan pelbagai cara termasuk membalut dengan kain yang dibasahkan di dalam air panas bercampur asam jawa dan asam gelugur. Selepas itu baharulah beliau dapat melelapkan mata sehingga keesokan harinya dan seterusnya mendapat ‘rawatan’ daripada seorang dukun di dalam kampungnya sendiri.

Di sini jelas menunjukkan bahawa masyarakat kampung Batu Kikir telah memberi pandangan yang luar biasa terhadap peristiwa berdarah di pekan Batu Kikir itu. Mereka yang tercedera tidak berminat untuk mendapatkan rawatan daripada pihak perubatan di Hospital Kuala Pilah; mungkin kerana menghadapi masalah pengangkutan. Namun begitu tidak dapat dinafikan bahawa pandangan masyarakat Melayu amnya dan masyarakat Batu Kikir khasnya pada tahun-tahun 1940-an terhadap perubatan moden di hospital amat bertentangan sekali. Prasangka-prasangka dan perasaan bimbang sentiasa tergambar di wajah mereka tentang institusi perubatan moden²².

Pada malam 6hb. November, 1945 tuan-tuan punya senjata yang menyertai gerakan telah membersihkan senjata-senjata mereka tanpa bertangguh. Cara pembersihan senjata-senjata tersebut berlainan dengan cara membersihkan senjata baru. Mengasah senjata-senjata yang telah digunakan mempunyai cara tersendiri. Bacaan ayat *Subhanal Allah, Subhanal Allah* dibaca setiap kali mengasah. Cara mengasah harus mengikut teknik-teknik tertentu. Setelah diasah, senjata itu hendaklah “dilimaikan” dan diasap dengan kemenyan. Setiap perbuatan itu disertai dengan bacaan ayat-ayat al-Quran tertentu. Tegasnya, untuk menjaga senjata-senjata yang telah dijampi oleh Kiai Selamat (termasuk kiai-kiai lain) adalah amat sulit²³.

Pada malam tersebut, Kiai Selamat yang bertanggungjawab menggerakkan anggota masyarakat kampung sekitar pekan Batu Kikir telah menziarahi rumah mangsa-mangsa yang terkorban dan tercedera. Beliau mengucapkan takziah dan rasa simpati kepada kaum keluarga mangsa. Beliau juga menyatakan rasa bersyukur kerana Tuan Haji Yahya telah berjaya pulang ke pangkuan masyarakat sekitar pekan Batu Kikir tanpa sebarang kecederaan. Tuan Haji Yahya menyatakan kesyukuran dan rasa terhutang nyawa kepada orang-orang kampung yang bersusah payah hingga menggadai nyawa untuk melepaskannya. Beliau bersama beberapa orang tua di masjid Kampung

Lonek telah melakukan sembahyang hajat memohon kepada Allah S.W.T. agar kejadian yang menyayat hati setiap penghuni kampung sekitar pekan Batu Kikir itu tidak berulang lagi serta mereka yang terkorban dicucuri rahmat dan mendapat tempat di sisi Allah S.W.T.

Suasana Pada Hari Rabu dan Seterusnya

Pada pagi Rabu 7hb. November, 1945 kelihatan orang-orang kampung berduyun-duyun menuju ke rumah-rumah mangsa yang terkorban untuk mengucapkan takziah dan tanda simpati. Kaum keluarga si mati bersama-sama sahabat handai sibuk menguruskan upacara pengkebumian. Berbagai-bagai masalah telah timbul mengenai kelengkapan upacara pengkebumian tersebut terutama mendapatkan kain kapan. Keluarga si mati terpaksa pergi ke Kuala Pilah semata-mata untuk membeli kain kapan²⁴. Walau bagaimanapun kebanyakan kesulitan dan masalah yang timbul itu dapat diatasi dengan adanya kerjasama daripada orang-orang kampung. Keadaan ini menggambarkan orang kampung khususnya di Batu Kikir merupakan masyarakat yang tinggal berkelompok-kelompok, bersemangat kerjasama dan bergotong-royong.

Mangsa-mangsa yang terkorban dengan persetujuan kaum keluarga dikebumikan pada masa-masa yang ditentukan di tanah perkuburan pekarangan masjid Kampung Lonek dan Kubur Leban. Jarak antara dua tanah perkuburan itu kira-kira satu batu antara satu sama lain. Kedua-dua tanah perkuburan itu terletak berhampiran dengan sebatang jalan kecil.

Sejak pagi-pagi lagi kedua-dua tanah perkuburan tersebut telah dikunjungi oleh kaum keluarga si mati bersama beberapa orang sahabat-handai. Mereka menggali kubur secara suka rela dengan perasaan yang terharu. Kubur-kubur mangsa yang terkorban dibuat mengikut kebiasaan dan tradisi orang-orang kampung iaitu apabila seseorang waris mereka meninggal maka kuburnya saling berhampiran antara satu dengan lain. Terdapat juga syor-syor untuk mengkebumikan mayat-mayat itu di satu tempat dan berhampiran antara satu dengan yang lain agar mudah dikenang kemudian hari. Tetapi cadangan tersebut tidak dipersetujui oleh masyarakat kampung. Di samping itu terdapat juga cadangan serta pandangan daripada beberapa orang tua di dalam kampung itu bahawa sekiranya kubur-kubur mangsa yang terkorban dibuat berhampiran antara satu sama lain berkemungkinan akan berlaku perkara yang tidak diingini. Misalnya apabila terdandang kubur-kubur tersebut boleh menimbulkan semangat orang-orang kampung sekitar pekan Batu Kikir untuk menyerang semula pihak musuh (orang-orang Cina)²⁵. Mereka juga mengatakan dari segi agama, tidak ada peraturan mewajibkan mangsa-mangsa yang terbunuh dalam sesuatu peristiwa berdarah dikuburkan berhampiran antara satu sama lain²⁶.

Upacara sembahyang mayat telah dilakukan secara berasingan. Waris-warisi mati telah menentukan tempat-tempat untuk menyembahyangkan mayat keluarga mereka. Masyarakat kampung telah diberitahu tentang waktu-waktu untuk upacara penyembahyangan itu. Tuan Haji Mohamad bin Mustaffa yang tinggal di Kampung Jempol dan Tuan Haji Majid bin Duyung yang tinggal di Kampung Batu Kikir merupakan imam-imam yang lazim untuk sembahyang mayat di kampung-kampung sekitar pekan Batu Kikir (termasuk Jempol) telah membahagikan waktu-waktu tertentu supaya upacara tersebut berjalan dengan sempurna. Jenazah Mahmud bin Raja Taha, Dato' Dagang Ahmad bin Tudin, Abdul Rahman bin Jusuh dan Sudin bin Tahir telah disembahyangkan dengan berimamkan Tuan Haji Mohamad bin Mustaffa. Mereka dikebumikan di tanah perkuburan pekarangan masjid Kampung Lonek. Manakala jenazah Joned bin Mohd Nor, Moin bin Md. Ali dan Sulaiman bin Omar telah disembahyangkan dengan berimamkan Tuan Haji Majid bin Duyung. Mereka dikebumikan di tanah perkuburan Kubur Leban.

Kira-kira pukul 11.00 pagi iaitu dalam suasana orang-orang kampung sedang sibuk menguruskan pengkebumian jenazah-jenazah tersebut, tersebar berita angin²⁷ mengatakan di pekan Batu Kikir telah hadir beratus-ratus orang anggota Bintang Tiga. Anggota Bintang Tiga tersebut dikatakan lengkap dengan senjata dan bersedia untuk melakukan serangan ke atas orang-orang kampung. Berita angin ini telah tersebar di segenap pelusuk kampung sekitar pekan Batu Kikir. Berita angin tersebut telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi terutama kepada orang-orang perempuan. Suasana di kampung-kampung sekitar pekan Batu Kikir kembali menjadi kelam-kabut. Kanak-kanak serta ibu-ibu yang tinggal di rumah-rumah terutama yang terpencil terus menjadi panik dan bimbang. Mereka telah menutup pintu dan tingkap rumah masing-masing dan mengungsi ke rumah jiran atau saudara-mara. Orang-orang kampung yang sedang dalam perjalanan telah dilaung-laungkan supaya mencari tempat perlindungan. Walau bagaimanapun kaum lelaki terutama yang sedang sibuk menguruskan pengkebumian jenazah-jenazah tersebut terus menjalankan tugas dan bertekad akan menghadapi apa jua yang berlaku. Mereka mengatakan sekiranya berita angin tersebut benar maka pekan Batu Kikir sekali lagi akan bermandikan darah²⁸. Oleh yang demikian timbul pelbagai spekulasi dan tanggapan di kalangan orang-orang kampung terhadap berita angin tersebut. Beberapa orang lelaki yang terlalu mengikut perasaan telah pergi ke pekan Batu Kikir untuk memastikan kebenaran berita angin itu. Mereka yang pergi itu lengkap dengan pakaian sebagai seorang ahli silat dan membawa senjata²⁹.

Sehubungan dengan berita angin itu, kedengaran pula berita bahawa orang-orang kampung Jempol telah bersiap sedia untuk menyertai orang-orang kampung sekitar pekan Batu Kikir menentang pihak Bintang Tiga yang dikatakan telah datang semula itu. Dalam suasana kelam kabut itu orang-orang lelaki yang pergi meninjau di pekan Batu Kikir itu telah kembali dan menegaskan bahawa tentera-tentera yang terdapat di pekan Batu Kikir itu ialah tentera-tentera Jepun yang menjadi tawanan pihak tentera British. Tentera-tentera Jepun itu telah diarahkan oleh pihak tentera British mengumpulkan mayat musuh (Bintang Tiga dan orang-orang Cina) akibat peristiwa berdarah 6hb. November, 1945. Mereka berjumlah kira-kira 30 orang dan memakai pakaian seragam tentera tetapi tidak mempunyai senjata. Tentera-tentera Jepun yang dikawal oleh seorang anggota tentera British itu telah memasukkan kesemua mayat-mayat itu ke dalam dua buah lori tentera. Menurut Alias bin Haji Ismail mayat-mayat itu telah dibawa ke Kuala Pilah. Walau bagaimanapun pekan Batu Kikir tetap dikawal oleh beberapa orang anggota tentera British yang berpusat di balai polis Batu Kikir. Markas gerakan Bintang Tiga yang terletak di hadapan balai polis Batu Kikir itu telah diambil alih oleh pihak tentera British.

Peristiwa berdarah di pekan Batu Kikir menjadi satu kenangan yang abadi kepada semua pihak. Pihak berkuasa British memandang peristiwa tersebut sebagai suatu kejadian yang serius. Justeru itu penguasa tentera British di daerah Kuala Pilah bersama-sama beberapa orang kakitangan Hospital Kuala Pilah dan pegawai-pegawai daerah yang terdiri daripada orang-orang Melayu tempatan telah datang ke rumah mangsa-mangsa yang terkorban. Mereka yang diiringi oleh Dato' Penghulu Jempol Abdul Wahab bin Abdul Jalil³⁰ telah mengucapkan takziah dan simpati kepada keluarga-keluarga mangsa³¹. Kedatangan pihak berkuasa itu telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi di kalangan ahli masyarakat. Beberapa orang kampung dengan megahnya mengatakan bahawa pihak berkuasa memandang orang-orang Melayu khususnya di daerah Batu Kikir tidak mudah dipermain-mainkan³². Di samping itu terdapat juga orang-orang kampung yang bimbang dan berasa takut terutama mereka yang terlibat secara aktif dalam peristiwa berdarah itu. Dengan kata lain, kedatangan pihak berkuasa (penguasa tentera dan hospital) ke daerah Batu Kikir pada 9hb. November 1945 seolah-olah telah menimbulkan semula keadaan kelam-kabut di kalangan masyarakat.

Pada hari-hari selanjutnya masyarakat sekitar pekan Batu Kikir sentiasa berhati-hati terutama semasa melakukan sebarang perjalanan. Mereka tidak berani meninggalkan anak dan isteri lebih-lebih lagi jika rumah mereka terpencil dan berhampiran dengan hutan. Orang-orang kampung hanya membuat kerja di sekeliling rumah sahaja. Namun demikian secara individu terutama anak-anak muda telah pergi juga ke pekan Bahau. Akan tetapi pemergian mereka tersebut telah direstui oleh kaum keluarga masing-masing. Selain itu perasaan curiga dan bimbang sering timbul apabila salah seorang anggota masyarakat kampung pergi ke sesuatu tempat tanpa diketahui oleh kaum keluarga atau sahabat-handainya.

Kira-kira seminggu selepas peristiwa berdarah di pekan Batu Kikir itu, orang-orang kampung di sekitar pekan tersebut sekali lagi menjadi kelam-kabut. Suasana kampung dengan cepat bertukar menjadi sunyi-sepi. Orang-orang kampung terutama yang perempuan menjadi tidak tentu arah dan panik. Situasi ini timbul disebabkan oleh kedatangan beberapa orang kakitangan Hospital Kuala Pilah bersama-sama beberapa orang polis ke rumah mereka yang tercedera dalam peristiwa tersebut. Kakitangan hospital tersebut telah meminta mereka yang tercedera supaya datang ke Hospital Kuala Pilah untuk menerima rawatan. Permintaan kakitangan hospital itu telah ditolak dengan alasan-alasan yang tertentu. Orang-orang yang tercedera itu juga telah membuat beberapa tanggapan sekiranya mereka menerima permintaan kakitangan hospital tersebut. Tanggapan-tanggapan mereka itu terutama berkaitan dengan kenyataan-kenyataan yang harus diberikan apabila pihak berkuasa Hospital Kuala Pilah meminta laporan tentang peristiwa berdarah yang lalu. Walau bagaimanapun pihak Hospital Kuala Pilah bertegas untuk membawa mereka ke hospital dan menyatakan bahawa mereka sanggup mengusung dengan stretcher supaya mereka yang tercedera itu dapat ke hospital.

Akhirnya atas desakan yang begitu kuat oleh pihak Hospital Kuala Pilah, seramai lima daripada lapan orang yang tercedera itu telah memenuhi permintaan tersebut. Sementara tiga orang yang lain iaitu Ibrahim bin Jidin, Omar bin Muhamad dan Abdullah bin Ali terus membantah. Menurut (Haji) Abdullah bin Ali (yang tercedera di bahagian kaki) beliau telah dikunjungi dan dipujuk oleh pihak Hospital Kuala Pilah tiap-tiap hari selama kira-kira seminggu. Oleh sebab tidak tahan dengan desakan dan rayuan pihak Hospital Kuala Pilah akhirnya pada suatu hari, ia terpaksa melarikan diri ke rumah saudaranya. Walaupun demikian pihak Hospital Kuala Pilah tetap mengikut jejak langkahnya. Akhirnya pihak berkenaan menegaskan pula bahawa tidak ada halangan jika beliau tidak mahu menerima rawatan tetapi beliau dikehendaki memberi kenyataan tentang peristiwa berdarah di Pekan Batu Kikir pada 6hb. November, 1945 yang lalu kepada pihak polis. Permintaan tersebut telah ditolak juga oleh Abdullah bin Ali dengan alasan-alasan tertentu³³.

Sementara itu bagi mereka yang telah pergi ke Hospital Kuala Pilah telah dipaksa membuat beberapa kenyataan tentang peristiwa berdarah yang berlaku di pekan Batu Kikir pada petang Selasa 6hb. November 1945. Sebelum menerima rawatan mereka telah diajukan pelbagai pertanyaan dan soalan. Menurut Othman bin Tahir, beliau telah diminta menerangkan latar belakang peristiwa berdarah itu dan menjelaskan sebab-sebab ia menyertainya. Setelah pihak berkuasa hospital berpuas hati dengan jawapan yang diberi maka baharulah mereka yang berkenaan menerima rawatan. Mereka yang tercedera itu telah dirawat di bilik khas dengan dikawal oleh beberapa orang polis Melayu. Dari segi layanan, mereka diberi layanan yang sama seperti pesakit-pesakit lain³⁴.

Mereka yang telah sembuh dibawa ke balai polis Batu Kikir. Mereka telah dijemput dengan sebuah kereta tentera (*land-rover*) dengan dikawal oleh beberapa orang polis. Di balai polis Batu Kikir mereka telah ditahan dalam bilik kurungan (*lock-up*) sementara menanti jaminan daripada

kaum keluarga masing-masing. Menurut Othman bin Tahir beliau telah ditahan hampir dua hari kerana kelambatan pihak keluarganya untuk memberi jaminan. Tindakan ini telah menyebabkan mereka dibawa ke mahkamah. Tindakan pihak berkuasa itu menjadi isu perbualan orang-orang kampung sekitar pekan Batu Kikir. Mereka beranggapan tindakan tersebut tidak wajar memandangkan mereka yang tercedera itu tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah. Namun demikian isu itu telah berakhir dan senyap bergitu sahaja³⁵.

Peristiwa berdarah yang berlaku pada petang Selasa 6hb. November, 1945 memberi kesan dan akibat yang mendalam sekali. Suasana di pekan Batu Kikir telah berubah begitu mendadak sekali. Kedai-kedai telah ditutup. Orang awam tidak kelihatan mundar mandir di sekitar pekan tersebut. Hanya beberapa orang polis Melayu dan kadang-kala tentera British yang sedang menjalankan tugas sahaja yang kelihatan di pekan itu. Jalan-jalan raya hanya dilalui oleh kereta-kereta tentera sahaja. Pekan Batu Kikir dapat dikatakan hampir "mati" dalam fungsinya sebagai tempat perniagaan sehari-hari. Orang-orang kampung pula hanya kelihatan bekerja di sekeliling rumah sahaja. Mereka yang berani keluar untuk membeli-belah di pekan Bahau dan Kuala Pilah sentiasa diingatkan agar jangan bersiar-siar tanpa tujuan. Pihak Bintang Tiga dan orang-orang Cina tidak kelihatan langsung di sekitar pekan Batu Kikir³⁶. Mereka dikatakan telah berpindah ke rumah-rumah jiran dan menumpang di rumah sahabat-handai di Kuala Pilah dan Bahau.

Penutup

Sesuatu gerakan sosial berbentuk kolektif biasanya membawa kesan yang mendalam kepada seluruh masyarakat itu sendiri serta lingkungan sekitarnya (Toch. 1966:71). Tiap-tiap anggota masyarakat berasa bertanggungjawab untuk menstabilkan semula keselamatan dan keharmonian seluruh kelompok sosial mereka. Peristiwa Batu Kikir 1945 yang berunsur perkauman itu telah mendapat perhatian daripada beberapa pihak. Pihak-pihak berkenaan telah mengambil inisiatif untuk memulihkan keharmonian kaum di daerah tersebut. Hal ini telah juga mendapat perhatian daripada masyarakat luar Batu Kikir termasuk akhbar-akhbar dan parti-parti politik. Di samping itu pihak berkuasa British juga telah mengambil beberapa tindakan terhadap anggota masyarakat Batu Kikir yang terlibat dalam peristiwa tersebut. Walaupun pelbagai tindakan untuk mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai keturunan di daerah Batu Kikir telah dilakukan dan mencapai kejayaan, namun kesan psikologi dalam diri masyarakat Batu Kikir sukar dipulihkan. Untuk beberapa tahun orang-orang kampung di sekitar pekan Batu Kikir terus mempunyai prasangka dan anggapan yang berunsurkan perkauman terhadap orang-orang keturunan Cina.

Kita bersyukur, hari ini selepas 46 tahun negara kita mencapai kemerdekaan segala prasangka negatif akibat peristiwa berdarah itu telah terhapus. Masyarakat Batu Kikir yang sedang giat membangun dapat hidup dengan aman dan harmoni.

NOTA BELAKANG

- ¹ Kiai Selamat berketurunan Banjar dan murid Kiai Salleh bin Abdul Karim di Parit Maimon, Batu Pahat, Johor. Kiai Selamat dibawa oleh Cikgu (Haji) Sulaiman bin Abdullah ke Kampung Lonek untuk mengajar ilmu kiai kepada orang-orang kampung tersebut.
- ² Temu bual dengan Cikgu Haji Sulaiman bin Abdullah pada 17hb. Julai, 1977.
- ³ Haji Yahya ialah seorang guru agama dan ulamak Batu Kikir. Beliau telah ditangkap pada kira-kira jam 11.00 pagi di pekan Batu Kikir oleh sepasukan Bintang Tiga.

- 4 Temu bual dengan Haji Mohd. Noh bin Haji Ismail pada 23 Julai. Beliau tidak turut serta dalam gerakan tersebut kerana sedang menjalankan perniagaan kedai runcit di Kampung Lonek.
- 5 Temu bual dengan Lebai Yunus bin Ahmad pada 21hb. Julai, 1977.
- 6 Dalam kes ini yang ditangkap ialah Haji Yahya. Untuk keterangan lanjut lihat Md. Ali Hasan dan Norhalim Hj. Ibrahim, 2002.
- 7 Temu bual dengan Lebai Yunus bin Ahmad pada 21hb. Julai 1977.
- 8 Temu bual dengan Haji Yassin bin Ma'adum pada 18hb. Julai, 1977 dan Haji Abdullah bin Ali pada 19hb. Julai, 1977. Kedua-dua mereka di barisan hadapan dalam pertempuran tersebut.
- 9 Bukit ini kira-kira 20 puluh rantai jauhnya dari pekan Batu Kikir.
- 10 Maksudnya apabila tuan empunya senjata melanggar sumpah, senjata yang sepatutnya melindunginya berkemungkinan akan mendatangkan kecelakaan. Temu bual dengan Haji Yassin bin Ma'adum pada 18hb. Julai 1977.
- 11 Temu bual dengan Haji Alias bin Haji Othman pada 11hb. Ogos, 1977 dan Liki bin Ahmad pada 16hb. Julai, 1977.
- 12 Temu bual dengan Haji Alias bin Haji Othman pada 11hb. Ogos 1977 dan Liki bin Ahmad pada 16hb. Julai 1977.
- 13 Temu bual dengan Cikgu Haji Sulaiman bin. Abdullah, *op. cit.*
- 14 Temu bual dengan Amai binti Mahmud, *op. cit* dan Hajjah Siti Hawa binti Haji Othman, *op. cit*
- 15 Temu bual dengan Cikgu Haji Sulaiman bin Abdullah, *op. cit.* dan Haji Isa bin Ali pada 20hb. Julai, 1977. Bilangan orang-orang kampung yang terbunuh dan tercedera ini mengikut laporan Force 136.
- 16 Temu bual dengan Haji Abdullah bin Ali, *op. cit.*
- 17 Temu bual dengan Haji Alias bin Haji Othman pada 15hb. Mei, 1977 dan Liki bin Ahmad, *op. cit.*
- 18 Penulis mengambil angka ini setelah membandingkan angka-angka daripada temu bual dan menyesuaikannya dengan bilangan penduduk Cina di Batu Kikir di samping pihak Bintang Tiga. Perangkaan yang didapati sememangnya bertentangan dengan laporan-laporan akhbar dan pihak berkuasa British. Lihat *Seruan Ra'ayat*, 11hb. November, 1945, hlm. 1.
- 19 Temu bual dengan Liki bin Ahmad, *op. cit.* dan Haji Abdullah bin Ali, *op. cit* Kedua-dua mereka ini merupakan anak muda ketika itu.
- 20 Temu bual dengan Haji Muhammad bin Tupin pada 18hb. Julai, 1977. Menurutnya ia telah menghantar anak isterinya ke rumah saudaranya kerana takut terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini.
- 21 Temu bual dengan Amai binti Mahmud pada 3hb. Jun, 1977 dan Baenah binti Mahmud pada 3hb. Jun, 1977. Mereka berdua ini adik-beradik.
- 22 Hal perubatan moden orang-orang Melayu, lihat Wolff, 1965:339–345. Juga lihat Mohd. Taib Osman (1977:3–30) yang telah menghuraikan perbomohan di kalangan masyarakat Melayu. Juga temu bual dengan Othman bin Tahir pada 16hb. Julai, 1977.
- 23 Temu bual dengan Haji Yassin bin Ma'adum, *op. cit.* dan Haji Alias bin Haji Othman, *op. cit.*
- 24 Temu bual dengan Amai binti Mahmud pada 3hb. Jun, 1977.
- 25 Temu bual dengan Haji Alias bin Haji Othman pada 11hb. Ogos, 1977, dan Alias bin Haji Ismail pada 18hb. Julai, 1977.

- ²⁶ *Ibid.*
- ²⁷ Berita angin tersebar dengan cepat dan membawa reaksi yang berbagai-bagai kepada pendengar-pendengarnya. Lihat George. 1959: 51 – 57.
- ²⁸ Temu bual dengan Haji Muhammad bin Tupin, *op. cit.*
- ²⁹ Temu bual dengan Alias bin Haji Ismail, *op. cit.*
- ³⁰ Beliau ialah Dato' Penghulu Jempol yang kelapan
- ³¹ Temu bual dengan Haji Alias bin Haji Othman pada 14hb. Mei, 1977 dan Haji Abdullah bin Ali, *op. cit.*
- ³² *Ibid.*
- ³³ Temu bual dengan Haji Abdullah bin. Ali, *op. cit.*
- ³⁴ Temu bual dengan Othman bin Tahir pada 6hb. Julai, 1977.
- ³⁵ Temu bual dengan Haji Yassin bin Ma'adun, *op. cit.* dan Alias bin Haji Ismail, *op. cit.*
- ³⁶ Pada 1hb. Disember, 1946 pihak Pentadbiran Tentera British (B.M.A.) telah menyeru anggota-anggota Bintang Tiga (M.P.A.J.A.) menyerah diri serta senjata-senjata masing masing. Lihat *Seruan Raayat*, 25hb. November, 1945. hlm.1. Kemudian dikeluarkan undang-undang pengharaman membawa senjata dan berkumpul secara haram. Lihat File Intelligence Force 136, No. NSS/841/46 dan Nss/842/46, (British Military Administration) Arkib Negara Malaysia.

Bibliografi

- Berry, B. *Race and Ethnic Relations*. Houghton Mifflin Company. New York. 1965.
- Fatimah Lamin, Razali Mustapha, dan Norhainy Mohd. Yunus. "Perang Batu Kikir". *Warisan*. Bil. 14:33-38. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. 1990,
- George, A.L. *Propaganda Analysis*. Row, Peterson and Company. New York. 1959.
- Hamzah Mohamad. *The 14 days of Terrors Before, During and After*. Tesis B.A. Hons. Universiti Malaya. 1969/70.
- Hoselitz, B.F. and Moore, W.E. (eds.). *Industrialization and Society*. UNESCO-Mouton. 1960.
- Jamaludin Samsudin. "Perang Senapang dan Parang (Perang Batu Kikir)." *Warisan*. Bil. 21:27-43. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. 1998.
- Md. Ali bin Hassan. *Peristiwa Batu Kikir 1945*. Latihan ilmiha. B.A. Hons. Universiti Kebangsaan Malaysia. 1977/78.
- Md. Ali Hasan dan Norhalim Hj. Ibrahim. "Peristiwa Batu Kikir. Satu Pernyataan Sosial Masyarakat". *Warisan*. Bil. 25:11-53. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Seremban. 2002.
- Mohd. Taib Osman. "Perbomohan. Satu Aspek World-view dalam Kebudayaan Melayu". dlm. Zainal Kling (ed.). *Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Perubahan*. Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur. 1977.
- Othman Nayan. *Pembunuhan di Padang Lebar (1945). Suatu Tragedi*. Kertas penyelidikan. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya. 1973/74.

- Parliamentary Debates (Hansard), House of Commons Official Report.* Official Fifth Series. Vol. 421. 25 March to 18 April 1946, His Majesty's Stationary Office. London. 1946.
- Purcell, V. *The Memoirs of A Malayan Official.* Cassell. London. 1965.
- Purcell, V. *Chinese in Malaya.* Oxford University Press. Kuala Lumpur. 1967.
- Smelser, N.J. *Theory of Collective Behavior.* Routledge & Kegan Paul. London. 1982.
- Toch, H. *The Social Psychology of Social Movements.* Methuen & Co. Ltd. London. 1966.
- Turner, R.H. and Killian, L.M. *Collective Behavior.* Prentice-Hall Inc. New Jersey. 1957.
- Wolff, R.J. Modern Medicine and Traditional Culture: Confrontation on the Malay Peninsula". *Human Organization.* Vol. 24. No. 4. (Winter). 1965.

Akhbar

Seruan Rakyat. November 1945 – Januari 1946.

Dokumen

Field Intelligence Report Force 136 – PSD/40, Report No. 23. 9 November 1945. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.

Senarai Informan

(Untuk data lengkap tentang setiap informan lihat Md. Ali Hasan dan Norhalim Hj. Ibrahim. 2002:48-51)

Abdullah bin Ali (Haji)

Kampung Gajah Mati, Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Temu bual pada 19 Julai 1977.

Abdullah bin Enot

Kampung Serting Ilir, Batu Kikir, Negeri Sembilan

Temu bual pada 18 Julai 1977.

Abdul Latif bin Rentah (Haji)

Kampung Kuala Jemapoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Temu bual pada 27 Julai 1977.

Alias bin Haji Ismail

Kampung Serting Ilir, Batu Kikir, Negeri Sembilan

Temu bual pada 18 Julai 1977.

Alias bin Haji Othman (Haji)

Kampung Masjid Lonek Hilir, Batu Kikir, Negeri Sembilan

Temu bual pada 15 Mei, 15 Julai dan 11 Ogos 1977.

Amai binti Mahmood

Kampung Kuala Sialang, Bahau, Negeri Sembilan

Temu bual pada 3 Jun dan 27 Julai 1977.

Baenah binti Mahmud (Hajjah)

Kampung Bukit Kelulut, Bahau, Negeri Sembilan

Temu bual pada 15 Mei dan 3 Jun 1977.

Isa bin Ali (Haji)
Kampung Kuala Sialang, Bahau, Negeri Sembilan
Temu bual pada 20 Julai 1977.

Liki bin Ahmad
Kampung Peladang, Serting Hilir, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Temu bual pada 16 Julai dan 18 Ogos 1977.

Mohd. Noh bin Haji Ismail (Haji)
Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Temu bual pada 23 Julai 1977.

Muhammad bin Tupin (Haji)
Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Temu bual pada 18 Julai 1977.

Othman bin Tahir (Haji)
Kampung Padang Lalang, Bahau, Negeri Sembilan
Temu bual pada 16 Julai 1977.

Siti Hawa binti Haji Othman (Hajjah)
Kampung Masjid Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Temu bual pada 17 Julai 1977.

Sulaiman bin Abdullah (Haji)
Kampung Masjid Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Temu bual pada 17 Julai dan 3 Ogos 1977.

Yassin bin Ma'adun (Haji)
Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Temu bual pada 18 Julai 1977.

Yunus bin Ahmad (Lebai)
Kampung Padang Lebar, Batu Kikir, Negeri Sembilan
Temu bual pada 21 Julai dan 18 Ogos 1977.